



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Begitu juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Ahmad Bin Ismā'īl, Kota Bharu Kelantan bertanya:

melihat kepada banyaknya pemeluk-pemeluk Islam di negeri ini, dan melihat pula kepada cita-cita PAS (Persatuan Islam Semalaya) bercita-cita menegakkan dasaar keislaman di negeri ini maka tentulah mendapat sokongan daripada seluruh kaum muslimin. Tetapi keadaannya adalah berlainan kerana di dalam pilihanraya yang lalu bukannya sahaja calon-calon PAS itu dikalahkan oleh calon-calon UMNO tetapi juga kalah oleh calon-calon Cina di dalam tempat-tempat yang pengundi-pengundinya terdiri daripada orang-orang Melayu. Apakah sebabnya maka terjadi begitu?

Jawab: Sebelum menjawab pertanyaan ini maka lebih molek kiranya dibawa perhatian kepada penanya tentang bagaimana mula pertubuhan PAS itu. Cita-cita untuk menubuhkan suatu pertubuhan yang berdasarkan Islam itu telah lama digalakkan dan dianjurkan oleh majalah ini, Mesyuarat pertama kepada tujuan itu telah dianjurkan oleh UMNO dan kemudian lalu bertaubat dengan suatu mesyuaratnya di Butterworth. Galakan majalah ini ialah supaya pertubuhan itu ditubuhkan dengan parti disiplin tetapi kerana penajanya itu banyak terdiri daripada orang-orang UMNO dan orang-orang IMP

maka sudah tentulah tidak dapat diputuskan mengadakan parti disiplin – yang dengannya berjalanlah pertubuhan itu di atas uang-uang dibawah pimpinan orang-orang yang masih kasih kepadamu dan kepada MP juga sehingga akhirnya apabila terbit masalah yang membawa perselisihan di antara kedua-dua parti itu PAS tidak dapat menentukan sikapnya.

Majalah Qalam inilah sahaja yang telah membidas tentang dasarnya yang tidak mahu berparti disiplin dan kerana itulah Qalam pada mulanya mendapat celaan daripada orang-orang PAS sehingga dituduh bahawa Qalam yang dahulunya menganjurkan supaya berdirinya parti Islam tetapi Qalam pula, sesudah berdiri memukulnya balik. Sebabnya Qalam membuat demikian ialah kerana memandang bahawa sesebuah pertubuhan siasah tidak akan berjaya dan tidak dapat menegakkan perdiriannya jika tidak meletakkan parti disiplin. Akhirnya, apa yang ditegur oleh Qalam itu disedari dan diinsafi oleh pemimpin-pemimpin PAS yang tersebut.

Kerana kurang tegas dalam perdiriannya itulah PAS tidak mendapat sokongan yang penuh daripada rakyat – bahkan langkah-langkah itu tidak dapat dijalankan dengan pesat oleh pemimpinnya kerana baharu dua minggu sebelum pilihanraya PAS yang lebih berdiri selama dua tahun itu diterma pendaftarannya.

Adalah menjadi perkara yang sangat sukar di dalam perjalanan sesebuah pertubuhan siasah yang terpaksa melayan kehendak orang lain yang berlainan-lainan fahaman. Sukar sungguh bekerja dengan cara itu dan kerana itulah dalam masa yang lalu hidupnya PAS tidak seperti yang dihajat dan dikehendaki oleh orang ramai kerana pemimpin sendiri berpecah – masing-masing membawa haluan mengikut aliran UMNO dann aliran MP dengan tidak tegas sikapnya itulah nampaknya PAS tidak mendapat sambutan daripada rakyat, dan dengan keadaan yang demikian itulah juga tidak dapat dinyatakan dengan tegas dasar-dasarnya kepada am.

Jadi terang sebelum berjalan pilihanraya federal kekuatan PAS dalam masyarakat sangat lemah. Sepatutnya, setelah mengetahui keadaan PAS sedemikian itu, pemimpin-pemimpin PAS hendaklah lebih dahulu menjalankan sunnah tuhan, iaitu menanam dahulu ke dalam masyarakat segala kekuatan yang boleh menegakkan perdiriannya – kerana di dalam tabiat kejadian apa jua pun lebih dahulu ia mesti berakar mencari kekuatan – baharu ia pergi mencari kekuatannya keluar.

Sepatutnya, sebelum memasuki pilihanraya sesudah mengetahui kelemahan-kelemahannya, PAS lebih dahulu membetulkan perdiriannya dengan lebih dahulu mengisytiharkan bahawa PAS ialah sebuah pertubuhan Islam yang berparti disiplin. Kemudian berusaha mengembangkan sayapnya ke kampung-kampung – memberi faham kepada orang-orang Islam akan tanggungjawab mereka kepada agama mereka – dan sesudah mendapat kekuatan itu, iaitu sesudah umat Islam faham akan tanggungjawabnya maka baharulah dijalankan usaha memasuki pilihanraya dalam peringkat yang kedua – yakni sesudah PAS mendapat kepercayaan daripada rakyat, tidak seperti keadaan sekarang, oleh kerana kelemahan-kelemahan yang tersebut itu terlalu mudah bagi musuh-musuh PAS mendatangkan tuduhan-tuduhan bahawa PAS bukannya bekerja kerana agama tetapi adalah semata-mata kerana mencari kerusi seperti yang dibuat oleh mereka hari ini.

Inilah puncanya sehingga kerana kurang perhatian pemimpin-pemimpin PAS itulah maka banyak orang-orang yang terpengaruh memilih orang-orang Cina daripada orang-orang Islam. Lain-lain sebab ialah kerana kekurangan kakitangan kakitangan dan kenderaan; dan pula orang-orang kita belum faham kepada tipu helah yang dijalankan di dalam undian pilihanraya itu di mana sungguhpun kita naik kereta parti lain tetapi kita juga boleh memilih lain parti.

Semua kesalahan ini patutlah menjadi perhatian orang Islam untuk menghadapi masa hadapan.

* * *

Yūsuf Bin Shaykh Ismā'īl, Berkelin Road, Pulau Pinang bertanya: Adakah wajib atau sunat membuat kenduri arwah berbilang-bilang hari bagi orang mati iaitu hari yang ketujuh, kedua puluh lima, atau hari keempat puluh dari hari kematian itu dan apa hukumnya?

Jawab: Masalah ini sebenarnya telah ada jawapannya di dalam majalah ini tetapi untuk memuaskan pembaca bahawa pahala bacaan tahlil atau lain-lain bacaan itu tidak sampai kepada si mati. Demikian juga Rasulullah tidak pernah diriwayatkan ada membuat yang demikian apalagi mengadakan kenduri, tiga hari dan seterusnya itu untuk bertahlil.

Tidak ada satu keterangan pun yang mengatakan ada perbuatan orang yang hidup itu didapat oleh si mati selain daripada tiga perkara seperti yang tersebut di dalam hadis ini (maksudnya): Apabila mati anak Adam maka putuslah amalannya, kecuali tiga perkara: pertama sedekah jariah atau ilmu yang orang ambil manfaat daripadanya, atau anak yang soleh yang mendu'akannya. (hadis sahih riwayat Abū Dāwūd)

Sedekah jariah, ilmu yang diambil orang manfaatnya dan anak yang mendu'akannya itu adalah daripada tiga perkara yang terbit daripada usahanya sendiri. Sedang tiap-tiap pekerjaan yang tidak terbit daripada usaha sendiri itu adalah tidak akan didapat faedah olehnya, berdasar kepada beberapa ayat al-Quran.

Jadi hal-hal yang serupa itu tidak ada dikerjakan oleh Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, dan sudah tentu tidak boleh dikerjakan oleh umatnya.

* * *

'Umar Bin 'Abd al-Rahman, Pulau Pinang bertanya: Apa hukumnya berbual dan membuat hingar di masjid?

Jawab: Berbual dalam masjid dengan perkara yang sia-sia dan membuat hingar di dalam masjid adalah dilarang oleh Islam kerana bukan sahaja melanggar kehormatan masjid tetapi juga mengganggu orang yang beribadah dengan tenteram pada ketika itu.

Larangan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) dalam suatu hadis sahih menurut riwayat Ibn Ḥabbān dan al-Hakam, sabdanya:

“*Ya ‘ti ‘alā al-nās zamānu yaḥliqūn fī masājidahum walaysa hamahum illa al-dunyā, walaysa Allāh fthim ḥajati falā tajālisūhum*”

Ertinya: “Akan datang bagi manusia satu zaman yang mereka berkumpul-kumpul di masjid-masjid mereka, pada hal perkara yang dibesarkan mereka tidak lain melainkan dunia. Allah tidak menaruh sesuatu hajat kepada mereka, maka itu janganlah kamu duduk dalam kumpulan mereka.”

Tak usahlah berbual kosong sedang membaca Quran dengan nyaring yang di dalam masjid dalam masa orang sembahyang adalah dilarang oleh Rasulullah (SAW) menurut hadis yang diriwayatkan oleh Mālik dan al-Tirmidhī, sabdanya:

“*Kharaja al-nabiyyu ṣallā allāhu ‘alayhi wa sallam ‘ala al-nas wahum yuṣallūn waqad ‘alit aṣwātuhum bi al-qarā’ati faqāla: inna al-muṣallī yunājī rabbīhi falyanzuri bimā yunājīhi walā yajharu ba ‘dukum ‘ala ba ‘d bi al-Qur’an*”

Ertinya: “Nabi (SAW) telah keluar kepada orang ramai dalam masa mereka sedang sembahyang dengan nyaring suara bacaan, Rasulullah pun bersabda: Sesungguhnya orang yang sembahyang itu orang yang bemunajat dengan tuhaninya, oleh itu hendaklah ia perhatikan dengan apa ia bemunajat (memohon dengan berbisik) kepadanya, dan janganlah sebahagian daripada kamu menyaringkan bacaan – mengganggu – sebahagian lain”.

Dengan ini teranglah bahawa ketenteraman di dalam masjid sangat-sangat dituntut dan sayogialah dihormati.

-sambungan dari muka 7

Rabī‘ul Awal, bulan wafatnya...

Pemimpin umat, pilihan Ilahi ini, telah berpulang keRahmatullah putus pertalian umat dengan jasadnya. Akan tetapi ada perhubungan dengan rohnya. Tetap terdengar olehnya umat Muhammad suara junjungannya, terkadang-kadang lemah lembut, tempoh-tempoh gagap gempita menurut keadaan dan ketika, tetapi tetap dan tegak menyeru umat yang ia cintai, menunjukkan jalan siratul mustaqim.

Sorak surai perayaan Mawlid yang gemuruh, akan beransur hilang dan senyap pula....

Akan tetapi, selama dunia muslimin perlu kepada pemimpin yang sempurna, sesaat pun tidak boleh hilang dari mata tiap-tiap mereka, yangtelah merelakan dirinya untuk memberi contoh dan pimpinan, akan cara bekerja dan dasar pekerjaan pemimpin pilihan ini. Tidak boleh luput dari dada tiap-tiap pemimpin Islam: Ketabahannya yang tidak mundur maju, keguntanannya yang tak boleh ditawarkan, kerendahan hatinya yang tahan uji, dan keikhlasannya yang berani jamin!

Itu pesanan Nabi tiap-tiap pemimpinnya...!

Iḳfalū lī sitta khaṣāli ‘iḳfalu lakum al-jannah: al-ṣalāt wa al-zakāt wa al-amanat wa al-farj wa al-baṭni wa al-lisān
(R. al-Ṭabrānī)

“Jaminlah kepadaku enam perkara, nescaya akan jamin kepada kamu syurga, iaitu: sembahyang, zakat, amanah, kemaluan, perut dan lidah”.

(sambungan dari muka tambahan 2)

Jika kita tidak menunaikan kewajipan kita apakah kita akan diakui sebagai seorang Islam yang tetap kepada ikrar dan janji? tidak! *Ihkwān al-Muslimīn* – tidak! Kita menjadi orang yang berdusta, menjadi orang yang berkata tetapi tidak menggunakan, kita bukannya hanya telah menjadi orang yang berdusta sesama kita manusia tetapi kita telah berdusta di hadapan Allah *Subhānahu Wa Ta‘ālā*, kita tidak berani dengan tegasnya menyatakan kepada umat bahawa “Jika kamu seorang Islam maka kewajipan kamu adalah menegakkan hukum-hukum Allah dengan jihad, harta dan tenaga dan juga perlu nyawa sekalipun dikorbankan untuk menegakkan perintah Allah dengan tulus dan ikhlas!

Tidak ada perasaan berbelah bagi orang-orang Islam untuk menegakkan kalimah Allah yang disampaikan oleh Rasulullah Muhammad (SAW). KepadaNya tempat kami bertahkim dan kepada perintah-perintahNya kita mesti ikut. Ia tidak boleh menyeberang kepada orang-orang lain yang membelakangkan pelajaran agama, yang berseru dengan suara agama tetapi di dalam gerak-gerinya mempermain-mainkan agama, melanggar hukum-hukum agama di tengah terang dengan perbuatan-perbuatan yang munafik!

“Demi Tuhanmu! tidak dipandang beriman mereka, hingga mereka menjadikan kamu (Ya Muhammad) tempat bertahkim dalam urusan yang mereka perselisihkan, dan hingga mereka menyerah dengan segala kesungguhan hati (taslim), kemudian tidak mereka merasa kesempitan (keberatan dalam hatinya) menerima keputusan yang kamu ambil” – (maksud ayat al-Quran Surah al-Nisā’: 65).

Tegas dan tepat firman Allah ini! Keredhaan dan kesiapan untuk menjalankan, untuk memperjuangkan hukum dan undang-undang tuhan adalah menjadi ukuran iman seseorang.


Redha dan bersedia berjuang menegakkan fahaman Islam menjadi ukuran dan tanda seseorang itu beriman – dan tiada ia beriman dan termasuk daripada golongan kaum muslimin jika tidak menunaikan kewajipan itu.

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) “Barangsiapa tidak memikirkan (menghendaki) urusan-urusan kaum muslimin (cita-cita umat Islam) bukanlah ia daripada golonganku”

Bukan daripada golongan kaum muslimin, saudara-saudara orang yang tidak memikirkan dan tidak mahu bekerja menegakkan kalimah tuhan di negaranya. Kita umat muslimin wajib insaf bahawa diwajibkan bagi kita memperjuangkan hukum dan undang-undang Islam supaya tegap berjalan di negara kita. Barangsiapa berusaha kepada jalan itu maka ia akan mendapat rahmat daripadanya, dan barangsiapa berusaha kepada jalan itu maka akan mendapat rahmat daripadanya, dan barangsiapa tidak memperdulikan dan membelakangkannya terutama menjadi “penjual agama” kerana muslihat dirinya jagalah balasan Allah kepadanya dan pandanglah orang itu sebagai ‘Abd Allāh Ibn ‘Abī munafiq yang dilaknat Tuhan dan patut kita berhati-hati kepadanya.

Orang-orang yang serupa itu, dipandang oleh Kiyai Isa Ansari bukan sahaja sebagai orang yang khianat kepada perjuangan Islam, kepada Allah dan Rasul-Nya tetapi juga khianat kepada iman dan tauhidnya sendiri. Bukan sahaja setakat khianat tetapi juga menjadi penentang dan musuh kepada Allah dan RasulNya, dan keluar daripada pimpinan Allah dan RasulNya. Wahai umat Islam – beri ingatlah kepada saudara-saudaramu supaya mereka tidak sampai kepada keadaan yang demikian.

(bersambung)



Kira-kira lima ribu orang sedang berhimpun di Kota Batu, Mindanao kerana menentang pengaruh komunis baharu-baharu ini. Persediaan ini dihadiri oleh wakil-wakil dari Mesir, Pakistan, Indonesia selain orang-orang Islam Filipina sendiri.

-sambungan dari muka 2

Diperundang-undangan yang dibuat oleh kerajaan Labour Front sekarang.

Adalah menjadi seperkara yang adil kiranya kerajaan Labour Front tidak memandang hanya muslihat pekerja-pekerja sahaja yang dikawal tetapi juga perusahaan-perusahaan kecil yang terlibat oleh peraturan-peraturan itu maslahatnya patut dijaga janganlah hendaknya berat sebelah sebab pekerja-pekerja itu tidak akan ada kerja jika perusahaan-perusahaan itu tidak dapat mempertahankan dirinya dengan adanya peraturan-peraturan yang memberatkan pikulaan mereka.

* * *

18 Oktober tahun 1953

Pada 18 Oktober 1955 genaplah dua tahun Qalam dan Warta dibakar oleh UMNO yang diulukan oleh Tunku Abdul Rahman sendiri di dalam satu istiadat perarakan di Johor Baharu.

Bagi kita tarikh itu tidak dapat dilupakan kerana dengan kebebasan-kebebasan bersuara yang kita langkahkan, balasannya diri ialah dengan suatu cara yang tidak dilakukan di dalam dasar demokrasi yang dicita-cita itu. Sesudah istiadat itu maka pemboikotan pula diadakan tetapi *Alhamdulillah*, dengan tawfik Allah, kita dapat terus menjalankan bahtera kita dengan tidak mengubah barang sedikitpun dasar kita, mengkritik dan memberi ingat kepada umat akan bahaya-bahaya yang harus ditempuh yang bakal merugikan umat Melayu dan Islam.

Kita lalui tiga tahun peristiwa itu dengan insaf bahawa tatkala kita menunaikan tanggungjawab kita maka tidaklah kita membiarkan atau menjadikan buah pena kita dibeli oleh sesuatu golongan kerana maslahat bersendirian. Kita berharap mudah-mudahan Tuhan akan terus menetapkan perdirian kita yang serupa itu – *Amīn*.